

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]
TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah hukuman hudud bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, adakah kerajaan pusat bercadang untuk melaksanakan hukuman hudud. Sila nyatakan sama ada Malaysia adalah sebuah negara sekular atau Islam. Kalau sekular, apakah maksudnya negara sekular.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Fasal (2) Perkara 74 dan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, undang-undang Islam diletakkan di bawah bidang kuasa negeri. Kuasa negeri, berkenaan dengan pewujudan dan penghukuman kesalahan terhadap perintah agama Islam hanya terpakai bagi orang yang

menganut agama Islam sahaja dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Persekutuan.

Kerajaan sedia maklum Kerajaan Negeri Kelantan berhasrat untuk melaksanakan undang-undang jenayah Syariah. Oleh itu sebelum hasrat berkenaan dapat dilaksanakan, peruntukan undang-undang sedia ada perlu diteliti bagi memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa berusaha **mengambil pendekatan secara bertahap bagi memastikan undang-undang jenayah Syariah** dilaksanakan termasuk memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, menaik taraf sistem kehakiman Syariah dan menyemak semula kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah. Dalam masa yang sama Kerajaan-kerajaan Negeri perlu memandang serius terhadap prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam penghukuman. Pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah memerlukan tahap pembuktian yang tinggi dan penuh ketelitian sebelum hukuman dijatuhkan. Sebarang keraguan yang berjaya ditimbulkan atau *prima facie* gagal dibuktikan akan menyebabkan hukuman tersebut tidak akan dikenakan terhadap tertuduh.

Berhubung dengan persoalan sama ada Malaysia adalah negara sekular atau Islam, adalah ditegaskan bahawa Malaysia adalah bukan negara sekular. Ini berdasarkan kepada fakta sejarah yang menunjukkan bahawa Malaysia telah ditubuhkan berasaskan

Kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-Raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing

Ini diperkukuhkan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang jelas menyatakan **agama Islam adalah agama bagi Persekutuan**, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Kedudukan ini dizahirkan lagi dengan adanya peruntukan-peruntukan lain yang menjaminnya, antara lain—

- (a) Fasal (4) Perkara 11 [berkenaan dengan penyekatan pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam oleh undang-undang Negeri atau Persekutuan];
- (b) Fasal (2) Perkara 12 [tentang hak berkenaan dengan pendidikan, di mana sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang perlu];
- (c) Fasal (1A) Perkara 121 [bahawa Mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah];

- (d) butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan [yang antaranya termasuk hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam dan mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam]; dan
- (e) ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat untuk memelihara agama Islam pada setiap masa.

Oleh yang demikian, kedudukan ini berbeza dengan **negara sekular yang tidak menetapkan sesuatu agama sebagai agama negara tetapi rakyatnya dibenarkan untuk mengamalkan agama mereka masing-masing**. Agama mereka adalah terpisah dan merupakan amalan peribadi seseorang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 12 JUN 2014

RUJUKAN : 6865

SOALAN:

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pemohon (mengikut pecahan kaum) yang memohon menjadi rakyat Malaysia dari kalangan anak-anak yang ibu atau bapanya adalah rakyat Malaysia tetapi berkahwin dengan bukan warganegara bagi tempoh 2008 hingga 2014. Nyatakan sebab kenapa anak-anak ini dinafikan kerakyatan sedangkan ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia bagi kanak-kanak yang ibu atau bapanya merupakan warganegara Malaysia tetapi berkahwin dengan pasangan bertaraf bukan warganegara Malaysia, dari tahun 2008 sehingga 30 April 2014 adalah sebanyak 9,372 permohonan. Permohonan ini merujuk kepada kanak-kanak yang berusia 21 tahun ke bawah yang telah mengemukakan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut menyebut bahawa:

“15(2) Tertakluk kepada Perkara 18, apabila permohonan dibuat kepada Kerajaan Persekutuan oleh ibu atau bapa atau penjaga mana-mana orang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, maka Kerajaan Persekutuan boleh menyebabkan orang itu didaftarkan sebagai warganegara jika sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya adalah sekarang (atau pada kematiannya) seorang warganegara”.

Perlu diambil maklum bahawa KDN tidak menafikan permohonan kewarganegaraan Malaysia di kalangan kanak-kanak yang telah memenuhi syarat kelayakan. Walau bagaimanapun, permohonan mereka masih tertakluk kepada

pertimbangan terperinci kerana penganugerahan kewarganegaraan Malaysia bukan sahaja perlu mengambil kira status kewarganegaraan ibu atau bapanya bahkan juga status perkahwinan kedua-dua ibu bapanya. Perlu juga diberi perhatian bahawa terdapat di kalangan kanak-kanak yang memohon kewarganegaraan Malaysia di bawah peruntukan ini yang bukan *stateless* kerana mereka telah memegang taraf kewarganegaraan asing mengikut taraf kewarganegaraan ibu atau bapanya.